

Kajian Penggunaan sistem MyLMS Dalam Kalangan Pensyarah KUIS

Hasnuddin Ab Rahman¹, Noor Azli Masrop² &
Norfaizuryana Zainal Abidin³

*Multimedia Department, Faculty of Science and Information Technology, Kolej
Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43600 Bangi, Selangor*

hasnuddin@kuis.edu.my, noorazli@kuis.edu.my and norfaizuryana@kuis.edu.my

Abstrak. Kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau penggunaan portal myLMS dalam kalangan Pensyarah KUIS. Seramai 20 orang pensyarah FSTM telah dipilih untuk melihat penggunaan sistem myLMS. Hasil berkaitan dengan penggunaan sistem myLMS dalam kalangan pensyarah dilaporkan.

Kata kunci: LMS(Sistem Pengurusan Pembelajaran), E-Pembelajaran, M-Pembelajaran

1. PENGENALAN

Bidang pendidikan adalah satu bidang yang terkesan hasil dari perkembangan teknologi pada masa kini. Dengan teknologi memudahkan komunikasi antara manusia walau terdapat perbezaan masa dan tempat. Teknologi juga kesan yang amat baik kepada proses pendidikan iaitu mengubah cara kehidupan kita berkaitan pendidikan yang lebih berkesan. Salah satu perubahan yang besar adalah memberi pembaharuan khususnya berkaitan sistem pengurusan pembelajaran. Dengan teknologi, sistem myLMS telah memberi kesan positif kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang mana telah membolehkan komunikasi kalangan pensyarah dan pelajar tanpa mengira batasan masa mahupun tempat untuk mengakses sistem myLMS tanpa perlu mengambil waktu untuk akses kepada atas talian. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan myLMS dalam kalangan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Swasta menggunakan myLMS bagi tujuan Pengajaran dan pembelajaran. Dengan sistem pengurusan pembelajaran yakni myLMS pelbagai kemudahan dan kelebihan dapat memberi kesan kepada penambahbaikan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya kalangan pensyarah dan pelajar. Dengan myLMS pensyarah dapat menghantar mesej, peringatan, memuat naik tugas dan latihan serta dapat menyediakan bahan rujukan kepada pelajar melalui myLMS. Selain itu dengan myLMS juga maklum balas berkaitan tugas serta kuis dapat dinilai dengan mudah dan berkesan. Ini memberi gambaran melalui myLMS komunikasi antara pensyarah dan pelajar dapat dilakukan tanpa mengira batasan masa dan tempat diluar bilik kuliah..

2. Sistem myLMS di KUIS.

Sistem myLMS adalah merupakan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) di KUIS. myLMS merupakan sistem sokongan kepada pembelajaran terhadap setiap kursus yang ditawarkan di KUIS. Melalui myLMS pensyarah dapat memuat naik nota, tugas, latihan dan sebagainya untuk memudahkan komunikasi dengan pelajar bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan myLMS setiap pensyarah KUIS diberi kemudahan nama pengguna dan kata laluan masing-masing bagi membolehkan setiap pensyarah menggunakan kemudahan myLMS untuk tujuan pengajaran dan Pembelajaran untuk setiap kursus yang diajar.

3. Kaedah Penyelidikan.

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk menganalisis penggunaan myLMS portal dalam kalangan pensyarah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Seramai 20 orang pensyarah FSTM (Fakulti Sains Teknologi dan Maklumat) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah dijadikan responden yang dipilih secara rawak. Borang soal selidik telah diedarkan bagi menganalisis penggunaan myLMS dalam kalangan pensyarah Institusi Pengajian Tinggi menggunakan myLMS bagi tujuan Pengajaran. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu Bahagian A (Profil Pensyarah), Bahagian B (Sikap Pensyarah), Bahagian C (Motivasi Pensyarah), Bahagian D (Kemudahan myLMS), Bahagian E (Kemudahan dan Persepsi) dan Bahagian F (Permasalahan). Data telah di analisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 20 berdasarkan kekerapan dan peratusan.

4. Penemuan dan Perbincangan

Kajian ini adalah memfokuskan kepada penggunaan myLMS dalam kalangan pensyarah KUIS bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Seramai 20 orang pesyarah FSTM Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah dijadikan responden yang dipilih secara rawak. Kajian berkaitan dengan profile pensyarah akan mengenal pasti tempoh perkhidmatan, jantina, jabatan, taraf pendidikan, dan bidang kepakaran. Selain itu, untuk aspek sikap pensyarah terhadap penggunaan myLMS akan menganalisis berkaitan keselesaan melaksanakan pengajaran dengan menggunakan myLMS, keyakinan dapat melaksanakan pengajaran yang berkesan dengan menggunakan myLMS, lebih bermotivasi apabila mengajar dengan menggunakan MyLMS, menyokong penggunaan MyLMS dalam pengajaran, MyLMS dalam P&P dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus, suka menggunakan MyLMS untuk mengagihkan maklumat sebagai bahan pengajaran, lebih suka menggunakan MyLMS untuk mengagihkan maklumat sebagai bahan pengajaran, menggunakan MyLMS meningkatkan minat

terhadap pengajaran, kegembiraan menggunakan MyLMS untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta Penggunaan MyLMS memudahkan berkomunikasi serta mendapatkan informasi terkini berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, untuk aspek motivasi pensyarah terhadap penggunaan MyLMS akan menganalisis berkaitan MyLMS membantu proses pengajaran dan pembelajaran, myLMS memotivasikan dalam pengajaran, berpuas hati dengan penyedia perkhidmatan myLMS dan penggunaan telefon bimbit untuk mengakses myLMS.

Selain itu, untuk aspek kemudahan MyLMS akan menganalisis kemudahan yang sering digunakan oleh kalangan pensyarah iaitu: Course site, Announcement, Course Outline, Lecturer Notes, Assignments, Assessment, Forums, dan Test Bank. Selain itu, untuk aspek kemudahan dan persepsi pensyarah terhadap MyLMS juga akan dianalisis.. Akhir sekali, kajian ini juga turut menganalisis berkaitan permasalahan yang dihadapi pensyarah dalam penggunaan MyLMS.

Profil lengkap responden diringkaskan dalam Jadual 1 yang berikut.

4.1 Profil Responden

JADUAL 1 Profil Responden

Latar Belakang Responden		Frekuensi	Peratus
Tempoh Perkhidmatan	1	0	0
	2	0	0
	3	0	0
	4	20	100
Jantina	Lelaki	8	40.0
	Perempuan	12	60.0
Jabatan	Multimedia	10	50.0
	Sains komputer	10	50.0
Taraf Pendidikan	1	0	0
	2	1	5.0
	3	18	90.0
	4	1	5.0

Dari segi tempoh perkhidmatan, keseluruhan pensyarah iaitu seramai 20 (100%) pensyarah telah berkhidmat lebih dari tahun 4. Dari aspek jantina pula, 8 orang (40.0%) pensyarah adalah pensyarah Lelaki. Manakala 12 orang (60.0%) adalah pensyarah Perempuan. Dari aspek jabatan pula, 10 orang (50.0%) pensyarah terdiri dari kalangan pensyarah jabatan sains komputer. Manakala 10 orang (50.0%) pensyarah terdiri dari kalangan pensyarah jabatan multimedia. Dari aspek taraf pendidikan ,1 orang (5.00%)

pensyarah adalah lepasan ijazah, 18 orang (90.0%) pensyarah adalah lepasan sarjana dan 1 orang (5.0%) pensyarah adalah lepasan phd.

4.2 Sikap Pensyarah Terhadap Penggunaan MyLMS.

JADUAL 2 Sikap Pensyarah Terhadap Penggunaan MyLMS.

Pernyataan/Item		STS	TS	KS	S	SS	Skor Min	Tahap	
		F	F	F	F	F			
		%	%	%	%	%			
Saya selesa melaksanakan Pembelajaran menggunakan MyLMS.	1	1 5.0	4 5.0	11 20.0	3 55.0	3.7 15.0	Tinggi		
Saya yakin dapat melaksanakan Pengajaran yang berkesan Menggunakan MyLMS.	5.0	1 5.0	1 30.0	6 40.0	9 15.0	3 3.6	Tinggi		
Saya menjadi lebih bermotivasi apabila belajar dengan menggunakan MyLMS.		1 5.0	3 15.0	6 30.0	7 35.0	3 15.0	3.4	Tinggi	
Saya menyokong penggunaan MyLMS dalam pembelajaran.		1 5.0	0 0	4 20.0	10 50.0	5 25.0	3.9	Tinggi	
Penggunaan myLMS dalam P&P dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap isi pelajaran.		1 5.0	2 10.0	8 40.0	5 25.0	4 20.0	3.45	Tinggi	
Saya suka mengikuti mLearn Portal 1 untuk menambah pengetahuan.		1 5.0	4 5.0	10 20.0	4 50.0	3.75 20.0	Tinggi		
Saya lebih suka menggunakan MyLMS untuk mendapatkan maklumat sebagai bahan pembelajaran.		1 5.0	0 0	2 10.0	9 45.0	8 40.0	4.15	Tinggi	
Pembelajaran menggunakan mLearn4 Portal meningkatkan minat terhadap pembelajaran.		1 5.0	3 15.0	3 15.0	9 45.0	4 20.0	3.6	Tinggi	
Saya gembira menggunakan mLearn Portal untuk aktiviti P&P.	5.0	1 10.0	2 10.0	2 50.0	10 25.0	5 3.8	Tinggi		
Penggunaan mLearn Portal memudahkan saya berkomunikasi serta mendapatkan informasi terkini berkaitan dengan P&P.	5.0	1 0	2 25.0	2 45.0	10 25.0	5 3.85	Tinggi		
Jumlah Skor Min					3.72				

(TS: Tidak Setuju, KS: Kurang Setuju, S: Setuju, SS: Sangat Setuju)

*Berdasarkan Jadual 2 didapati skor min yang tertinggi bagi aspek sikap pensyarah terhadap penggunaan MyLMS dalam kalangan pensyarah ialah pensyarah lebih suka menggunakan myLMS untuk proses pengajaran dan pembelajaran (skor min 4.15), pensyarah menyokong penggunaan myLMS dalam pengajaran (skor min 3.9), pensyarah juga bersetuju penggunaan myLMS memudahkan proses berkomunikasi serta memberikan informasi terkini berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (skor min 3.85), pensyarah gembira menggunakan myLMS untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (skor min 3.8), pensyarah suka menggunakan myLMS untuk proses pengajaran dan pembelajaran (skor min 3.75), pensyarah selesa dapat melaksanakan pengajaran dengan menggunakan kemudahan myLMS (skor min 3.7), pensyarah yakin dapat melaksanakan pengajaran yang berkesan dengan menggunakan myLMS (skor min 3.6), pensyarah setuju pembelajaran menggunakan myLMS meningkatkan minat terhadap pengajaran (skor min 3.6), pensyarah yakin penggunaan myLMS dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus (skor min 3.45) dan pensyarah lebih bermotivasi apabila mengajar dengan menggunakan myLMS (skor min 3.4).

4.3 Motivasi Pensyarah Terhadap Penggunaan MyLMS

JADUAL 3: Motivasi pensyarah terhadap penggunaan MyLMS

Penyataan	Setuju F %	Tidak Setuju F %
MyLMS membantu proses pembelajaran.	19 95.0	1 5.0
MyLMS memotivasikan pensyarah dalam pembelajaran.	13 65.0	7 35.0
Pensyarah berpuas hati dengan penyedia perkhidmatan myLMS.	5 25.0	15 75.0
Pensyarah menggunakan telefon bimbit untuk mengakses myLMS.	6 30.0	14 70.0

Dari segi motivasi pensyarah terhadap penggunaan MyLMS, 19 orang (95.0%) pensyarah bersetuju myLMS membantu proses pengajaran, manakala 1 orang (5.0%) pensyarah tidak bersetuju myLMS membantu proses pembelajaran. Di samping itu, 13 orang (65.0%) pensyarah bersetuju yang myLMS memotivasikan mereka dalam pembelajaran, manakala 7 orang (35.0%) pensyarah sebaliknya. Hasil juga menunjukkan 5 orang (25.0%) pensyarah berpuas hati dengan penyedia perkhidmatan myLMS

manakala 15 orang (75.0 %) pensyarah sebaliknya. Di samping itu hasil juga menunjukkan 6 orang (30.0%) pensyarah menggunakan telefon bimbit untuk mengakses myLMS, manakala hanya 14 orang (70.0%) pensyarah tidak menggunakan telefon bimbit untuk mengakses myLMS. Ini secara tidak langsung memberi gambaran yang positif berkaitan kesediaan pensyarah menggunakan telefon bimbit untuk pengajaran mereka.

4.4 Kemudahan MyLMS

JADUAL 4 Kemudahan MyLMS.

Kemudahan	Min	Sisihan Piawai
Course site	2.6	.882
Announcement	2.45	1.09
Course Outline	2.9	.911
Lecture notes	3.25	1.01
Assignments	3.20	1.05
Assesment	1.6	.944
Forum	2.25	1.16
Test Bank	1.20	.523

Berdasarkan Jadual 4 didapati skor min yang tertinggi bagi aspek kemudahan perkhidmatan MyLMS yang digunakan oleh pensyarah ialah nota pensyarah (lecturer notes (skor min 3.25), Pautan kepada Tugas (Assignments) (skor min 3.20), Pautan kepada struktur kursus (course outline) (skor min 2.9), Pautan kepada laman kursus (course site) (skor min 2.6), Pautan kepada pengumuman (Announcement) (skor min 2.45), Pautan Kepada Forum (Forums) (skor min 2.25), Pautan kepada penilaian (Assesment) (Skor Min 1.6) dan Pautan kepada bank soalan atau ujian (Test bank) (skor min 1.20).

4.5 Kemudahan dan persepsi terhadap MyLMS.

***JADUAL 5 Kemudahan dan persepsi terhadap MyLMS**

Pernyataan/Item		STS	TS	S	SS	Skor Min	Tahap
		F	F	F	F		
		%	%	%	%		
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan forum.	5	8	3	4	2.3	Sederhana	
		10.0	40.0	15.0	20.0		
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan memberi latihan.	2	3	11	4	2.85	Sederhana	
		10.0	15.0	55.0	20.0		
Saya menggunakan Perkhidmatan	2	1	10	7	3.10	Tinggi	

MyLMS untuk Tujuan memberi Tugas.		10.0	5.0	55.0	35.0	
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan muat naik nota.	1	1	8	10	3.35	Tinggi
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan berseimbang.	2	7	9	2	2.55	Sederhana
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan berseimbang.	8	12			1.6	Rendah
Saya menggunakan Perkhidmatan MyLMS untuk Tujuan bertukar bahan P&P.	2	5	7	6	2.85	Sederhana
Jumlah Skor Min					2.65	

(STS: Sangat Tidak Setuju, TS: Tidak Setuju, S: Setuju, SS: Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 5 didapati skor min yang tertinggi bagi aspek kemudahan dan persepsi pensyarah terhadap MyLMS dalam kalangan pensyarah ialah tujuan memuat naik nota (skor min 3.35) dan tujuan memberi tugas (skor min 3.10). Bagi tujuan memuat naik nota didapati 10 orang pensyarah (50.0%) sangat setuju menggunakan myLMS untuk memuat naik nota. Namun begitu masih terdapat 1 orang pensyarah (5.0%) tidak setuju menggunakan myLMS untuk memuat naik nota. Bagi tujuan memberi tugas, didapati 7 orang pensyarah (35.0%) sangat setuju menggunakan myLMS untuk memberi tugas. Namun begitu masih terdapat 1 orang pensyarah (5.0%) sangat tidak setuju menggunakan myLMS untuk tujuan memberi tugas. Bagi tujuan memberi latihan, didapati 11 orang pensyarah (55.0%) menggunakan myLMS untuk tujuan memberi latihan. Namun begitu, masih terdapat 2 orang pensyarah (10.0%) sangat tidak setuju menggunakan myLMS untuk tujuan memberi latihan. Bagi tujuan bertukar bahan pengajaran dan pembelajaran, didapati 7 orang pensyarah (35%) setuju menggunakan myLMS untuk tujuan bertukar bahan pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, masih terdapat 2 orang pensyarah (10.0%) sangat tidak setuju menggunakan myLMS untuk tujuan bertukar bahan pengajaran dan pembelajaran. Bagi tujuan perbincangan, didapati 9 orang pensyarah (45.0%) setuju menggunakan myLMS untuk tujuan perbincangan. Namun begitu masih terdapat 2 orang pensyarah (10.0%) sangat tidak setuju menggunakan myLMS untuk tujuan perbincangan. Manakala penggunaan myLMS yang paling rendah ialah tujuan berseimbang (Chat) (skor min 1.6).

4.6 Permasalahan yang dihadapi pensyarah dalam penggunaan MyLMS

Dari segi Permasalahan yang dihadapi pensyarah terhadap penggunaan MyLMS, 13 orang (65.0%) pensyarah tidak menghadapi masalah dalam menggunakan myLMS untuk tujuan pembelajaran, manakala 7 orang (35.0%) pensyarah menghadapi masalah dalam menggunakan myLMS untuk tujuan pembelajaran. Ini secara tidak langsung menunjukkan penyedia perkhidmatan myLMS amat membantu para pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran.

5. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pensyarah menggunakan myLMS untuk tujuan pengajaran. Didapati juga semua kemudahan yang terdapat di myLMS digunakan oleh pensyarah untuk tujuan pembelajaran. Di samping itu juga pensyarah bersetuju myLMS membantu proses pembelajaran iaitu memotivasikan lagi pensyarah menerusi penggunaan myLMS. Hasil kajian juga menunjukkan pensyarah sudah menggunakan telefon bimbit untuk mengakses myLMS untuk tujuan pengajaran. Ini menggambarkan kesediaan pensyarah menggunakan telefon bimbit untuk tujuan pengajaran dengan membuat capai kepada myLMS bagi aktiviti pembelajaran seperti menghantar tugas, muat naik nota, forum, bersembang dan bertukar bahan pengajaran untuk pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga menunjukkan perspektif baru dalam penggunaan myLMS untuk proses pengajaran dan pembelajarandalam kalangan pensyarah iaitu pensyarah lebih bermotivasi menggunakan myLMS dalam pengajaran. Kajian masa hadapan perlu mengkaji lebih mendalam berkaitan dengan m-pembelajaran dalam kalangan pensyarah di Malaysia.

6. RUJUKAN

- [1] Salam S., Wardi M. H., and Mohamed M. M. (2008), *Encouraging Children In Learning Mathematics Through Mobile Game-Based Learning*, Seminar Kebangsaan Aplikasi Matematik dan Sains 2008, The Katerina, Batu Pahat, Johor, Malaysia, 23 & 24 Nov 2008
- [2] Salam S., Hashim N., and Wardi M. H., (2008) *Applying Storytelling Techniques In Teaching Science For Preschoolers*, Seminar Kebangsaan Aplikasi Matematik dan Sains 2008, The Katerina, Batu Pahat, Johor, Malaysia, 23 & 24 Nov 2008
- [3] Su D. K. S (2006), *Usability Guidelines for Designing MyLMSs*, *Mobility 06*, Oct. 25–27, 2006, Bangkok, Thailand. ACM 1-59593-519-3

- [4] Alexander, B. Going nomadic: Mobile learning in higher education. *IN: EDUCASE Review*, 39 (5), September- October 2004, 28-35.
- [5] ISO/IEC, 9241-11 *Ergonomic Requirements for Office Work with Visual Display Terminals (VDT)s* – Part 11 Guidance on Usability. 1998: ISO/IEC 9241-11: 1998 (E).
- [6] Nielsen, J. *Usability Engineering*. Morgan Kaufman Publisher, Academic Press, 1993.
- [7] Lee, K. B., and Grice, R. A. Developing a New Usability Testing Method for Mobile Devices. In *Proceedings of the 23rd International Performance, Computing, and Communications Conference (IPCCC'04)*. 14-17 April 2004, Phoenix, Arizona, 115-127.
- [8] Miller, G.A. The magical number seven plus or minus two: Some limits of our capacity for information processing. *Psychological Review*, 63(2), 1956, 81-97.
- [9] Cowan, N. The magical number 4 in short-term memory: A reconsideration of mental storage capacity. *Behavioral and Brain Sciences*, 24(1), 2001, 87-114.
- [10] Su, D. K. S., and Chan, F. C. (2006) Navigational patterns on usable mobile news portals. *Journal of Internet Technology*, 7(3), April 2006, forthcoming.
- [11] Simon, H. A. How big is a chunk? *Science*, 183, 1974, 482-488.
- [12] Hartson, H. R., and Hix, D. Human-computer interface development: Concepts and systems for its management. *ACM Computing Surveys (CSUR)*, 21(1), 1989, 5-92.
- [13] Salam, S. (2007) The Development of A Multimedia Ubiquitous m-Learning System, Internal Project Documentation, Department of Interactive Media, Faculty of Information & Communication Technology, *Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)*.
- [14] I. Ahmad, S. Salam, and F. Shahbodin. The Development of a Prototype of Educational Multimedia Application Via Mobile Devices: A UTeM Approach. In the Proceedings of the 1st. Asia Pacific Regional Mobile Learning and Edutainment Conference and Exhibition, August 2007, Kuala Lumpur, Malaysia.